

Newspaper	Berita Harian
Date	8 June 2015



**Kota Kinabalu:** Tun Dr Mahathir Mohamad merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa gempa bumi di Ranau.

Sambil melahirkan rasa kecewa dengan kejadian yang turut mengorbankan nyawa, bekas Perdana Menteri itu yang juga Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), berkata gempa bumi adalah sesuatu yang tidak dijangka berlaku di negara ini.

### **Kejadian malang**

"Kita tidak boleh kata kenapa dan bagaimana... kita perlu melihat kejadian ini sebagai sesuatu yang malang kerana lebih 100 pendaki Gunung Kinabalu pada masa kejadian," katanya selepas menghadiri mesyuarat agung tahunan PERKIM di sini, semalam.